

MCA PERLU LEBIH TEPAK MEMERIKSA DIRI SENDIRI

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh SYED YAHYA HUSSEIN

IPOH, Isnin —
Bahawa Parti Tindakan Demokratik (DAP) akan mengemukakan kerusi Dewan Undangan Negeri Kepayang dalam pilihanraya kecil Sabtu lalu memang telah diduga oleh ramai pihak.

Tetapi apa yang wasan disangka-sangka ialah kekalahan teruk yang diterima oleh calon Barisan Nasional dalam satu pertarungan yang difikirkan oleh kalangan pemerhati politik tempatan sebagai ujian kekuatan antara dua parti yang bertarakan kepada sokongan kaum Cina dalam satu kawasan yang majoriti para pengundinya terdiri dari kaum Cina.

Bagi MCA yang mewakili Barisan Nasional untuk mengiktisarkan pengaruh DAP dari kawasan yang terkenal sebagai 'kawasan anti-pemerintah' itu, keputusan tersebut sudah tentu merupakan sesuatu yang terluak untuk ditelan.

Kepatihan ini lebih terasa memandangkan hakikat bahawa ia menjelma di saat-saat para pemimpin tertinggi parti itu sedang berusaha untuk meningkatkan kredibiliti kepada datuknaya kononnya parti tersebut telah berjaya menarik simpati para pengundi

Cina di kawasan-kawasan bandar berdaun kepada keputusan cemerlang yang diterimanya dalam pilihanraya umum April lalu.

Apa jua pun alasan yang tidak boleh dikemukakan untuk menutupi kekecewaan akibat kekalahan tersebut, satu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah keunggulan pengaruh DAP yang ketara tidak terjelas walaupun telah digugat hebat oleh krisis kepimpinan menjelang pilihanraya kecil itu.


DAP yang menggunakan Kepayang sejak pilihanraya umum tahun 1974 dulu ketara telah memperbaiki kedudukannya, ialah keputusan Surau lalu boleh dijadikan ukuran.

Dalam pertarungan saingan-satu itu, calonnya, Lau Dak Kee mendapat majoriti yang mengunggulkan, ialah keputusan Surau lalu boleh dijadikan ukuran.

Belius mendapat 1624 undi sedangkan calon MCA, Enik Ng Yok Kooi hanya memperoleh 642 undi.

Dalam pilihanraya April lalu, calon DAP, Enik Lim Cho Hock memenangi kerusi itu hanya dengan kelebihan 161 undi dan perlawanan tiga pertiga dengan Barisan Nasional dan seorang calon bebas.

Dalam pilihanraya itu, Enik Lim men-



■ CALON Barisan Nasional, Enik Ng Yok Kooi (kiri) mengesahkan tabiatnya kepada calon DAP, Enik Lau Dak Kee selepas keputusan dimumkan.

dapat 1364 undi. Enik Lim Kam Wah dari Barisan mendapat 1355 undi sementara calon bebas, Enik Leong Wai Kam cuma mendapat 743 undi dan hilang wang per taruhan.

Jelaslah bahawa DAP tidak kerugian sebarang makna dengan pertakutan jawatan bekas wakilnya, Enik

Lim Cho Hock yang juga bekas Pengerusi DAP Perak yang menyebabkan pilihanraya kecil itu.

Sebaliknya, setengah kalangan secara lebih kritis untuk mengelaskan bentuk kekalahan teru begini di masa-masa akan datang.

Ada para pemerhati yang berpendapat bahawa MCA terlalu yakin dalam menghadapi pertarungan yang baru selesai itu.

Mereka mendakwa bahawa atas keyakinan inilah maka parti itu tidak merasa perlu mengahantar para pemimpin teringinya untuk berkempen di

sepanjang tempoh dua minggu yang dikisahkan. Di samping itu, terdapat pula kononnya rasa tidak puas hati bukan sahaja di kalangan para pemimpin parti Gerakan dan PTP yang mungkin kerana teresbut, tetapi juga dari kalangan MCA sendiri yang tidak begitu setuju dengan pemilihan calon.

Sumber-sumber dalam MCA sendiri mengukuhkan bahawa pemilihan Enik Ng Ketua Pemuda MCA Bahagian Ipoh sebagai calon telah memeccebalahkan perpaduan parti.

Sumber-sumber MCA sendiri mengukuhkan bahawa pemilihan Enik Ng Ketua Pemuda MCA Bahagian Ipoh sebagai calon telah memeccebalahkan perpaduan parti.

pemimpin pemuda peringkat negeri menjadi calon.

Akibat dari kekecewaan ini, sebahagian besar diri pemimpin-pemimpin Pemuda negeri dikatakan tidak memberikan kerjasama kepada calon berkenaan dan kalau ada pun, kerjasama yang diberikan hanya secara 'mahu tak mahu' sahaja.

Gejala ini ditambah dengan kehadiran gelombang 2M yang secara umum diterima sebagai faktor penentu kemenangan calon-calon Barisan Nasional dalam pilihanraya umum lalu telah melatakan MCA dalam keadaan yang serba kekurangan ketika menghadapi para pengundi Kepayang.

Sebaliknya, para pemimpin DAP sedikit sebanyak telah berjaya menunjukkan kemampuan masing-masing bergabung tenaga dan melupakan per selisihan faham untuk memertanai demi menghadapi 'musuh' bersama.

Ini dapat dilihat dari keghairahan Setiausaha Agungnya, Enik Lim Kit Siang, bekas Pemangku Setiausaha Agung Enik Fan Yew Teng, bekas Pengerusi DAP Perak dan bekas anggota Dewan Undangan Negeri Kepayang, Enik Lim Cho Hock serta pengikut masing-masing yang bertungkus-lumus menempuh rumah ke rumah dan mengadakan ceramah di merata tempat.

Sesungguhnya, semangat menjunjung kepentingan parti lebih daripada kepentingan pribadi yang ditunjukkan oleh para pemimpin DAP yang bermusuhan itu patut dijadikan 'pembuka mata' bukan sahaja oleh MCA, tetapi juga parti-parti politik lain sekiranya mereka mahu menentukkan kejayaan dalam mana-mana pilihanraya. — Bernama.